

UMS dekati sekolah rendah

UB 17.5.2014 B14

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranannya dalam memasyarakatkan ilmu.

Terbaru, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah mengadakan kunjungan ke Sekolah Kebangsaan St Catherine Inanam.

Terletak di Kampung Bambangan, sekolah rendah itu juga merupakan sekolahnya ketika menuntut ilmu dalam darjah satu dan dua.

Ketibaannya disambut Penolong Kanan 1 Nasiah George dan Pengurus Lembaga Pengarah Sekolah Paul Augustine.

Berucap pada majlis itu, Harun berkata kunjungan itu antara lain bertujuan mengeratkan hubungan antara universiti dengan komuniti setempat khususnya dengan pihak sekolah.

"Ini adalah inisiatif UMS dalam usaha mendekati komuniti selain sebagaimana untuk memastikan universiti sentiasa rapat dengan pihak



HARUN (kanan) beramah mesra dengan pelajar sambil diperhatikan Nasiah (kiri).



HARUN (tengah) bergambar bersama pelajar SK St Catherine.



HARUN (tengah) mengambil gambar kenangan bersama Nasiah (tepi kanan) dan Paul (dua dari kiri).

sekolah di seluruh Sabah," katanya.

Beliau juga sempat mengongsikan pengalaman selama dua tahun menuntut ilmu di sekolah itu pada tahun 1966 dan 1967.

"Saya melihat banyak

perubahan yang berlaku pada sekolah ini. Dahulunya, terdapat pokok getah di tepi sekolah dan ia adalah medan permainan bagi kami. Pada masa itu, semua pelajar sentiasa mengikuti peraturan dan belum ada istilah 'escape'

dalam kamus hidup sebagai seorang pelajar," katanya.

Pada kunjungan itu, Harun turut dibawa melawat ke sekeliling sekolah berkenaan. Hadir sama, Ketua Unit Penerbitan UMS Prof Dr Asmady Idris.